

Sambut Baik  
Pindaan

# UMT sambut baik keputusan pindaan AUKU

Penuntut dan keadaan politik kini sudah berubah, justeru pindaan semua akta universiti tersebut dapat memberi peluang kepada penuntut bergerak dengan lebih bebas berbanding sebelumnya.

ST 57/03/08  
Pg. 119

■ RAHAYU MUSTAFA

**KUALA TERENGGANU** - Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menyambut baik keputusan yang diambil Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengkaji semula Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU).

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr. Sulaiman Md. Yassin ketika dihubungi **Sinar Harian** berkata, AUKU patut dikaji semula sejak dulu lagi kerana sudah agak lama tidak dinilai selepas diperkenalkan.

"Kali terakhir AUKU dikaji semula sekitar tahun 1996 dan kajian semula ini bertujuan memberi kebebasan kepada penuntut universiti.

"Kajian awal mendapat beberapa peraturan AUKU dilihat menyekat kreativiti penuntut dan pihak pengurusan universiti mencapai tahap kecemerlangan," katanya ketika diminta

mengulas mengenai pengumuman Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Khaled Nordin bahawa kerajaan akan meminda AUKU.

Menurutnya lagi, penuntut dan keadaan politik kini sudah berubah, justeru pindaan semua akta universiti tersebut dapat memberi peluang kepada penuntut bergerak dengan lebih bebas berbanding sebelumnya.

"Secara amnya, AUKU berjaya mengawal dan menyekat penuntut daripada melakukan perkara yang negatif dan peraturan ini juga turut menjadi panduan kepada semua

*Secara amnya,  
AUKU berjaya  
mengawal dan  
menyekat penuntut  
daripada melakukan  
perkara negatif dan ia  
turut menjadi panduan  
kepada semua penuntut  
universiti serta  
kolej universiti.*

■ Sulaiman Md. Yassin



SULAIMAN MD. YASSIN

penuntut universiti serta kolej universiti.

"Universiti luar negara juga mempunyai akta peraturan yang harus diikuti dan kajian semula ini sememangnya wajar kerana mengikut peredaran semasa.

"Ia boleh diibaratkan seperti kita memegang seekor burung, jika menggenggam terlalu kemas, burung akan mati dan sekiranya pegangan terlalu longgar, burung akan lari."

"Lebih baik jika 'sedang-sedang' sahaja dan begitulah juga dengan akta peraturan ini," katanya.